HIGHLIGHTS & TRANSKRIP

RANCANGAN

60 MINIT BERSAMA MENTERI

TETAMU

Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ

MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

24 DISEMBER 2008, 9:30 MALAM (RTM 1)

PERANTARA

SABARUDDIN AHMAD SABRI

DISEDIAKAN OLEH :

BAHAGIAN PENERBITAN DASAR NEGARA

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

HIGHLIGHTS

1. Hasrat kerajaan untuk melaksanakan sistem penyampaian kerajaan yang berkesan disamping mengukuhkan nilai-nilai intergriti telah dibuktikan melalui pembentangan Rang Undang-undang Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dan Rang Undang-undang Suruhanjaya Perlantikan Hakim (SPH) baru-baru ini di Parlimen.

2. Bagi mengukuhkan kedua-dua Rang Undang-undang tersebut, kerajaan akan menambahbaikan melalui pembentangan Rang Undang-undang Perlindungan Saksi bagi SPRM dan Rang Undang-undang Etika Hakim untuk SPH. Kedua-dua rang undang-undang tersebut akan dibentangkan pada sidang Parlimen akan datang. Melalui kedua-dua rang undang-undang tersebut akan dapat melengkapkan SPRM dan SPH.

3. Kerajaan sentiasa memastikan kedua-dua rang undang-undang tersebut berjaya diluluskan di Parlimen walaupun mendapat tentangan yang kuat daripada Ahli-ahli Parlimen Pembangkang. Tentangan juga diterima oleh kerajaan daripada masyarakat dan badan-badan bukan kerajaan melalui pelbagai tuduhan-tuduhan yang negatif terhadap rang undang-undang tersebut.

4. Sejak awal penubuhan BPR lagi, kuasa pendakwaan tidak pernah diberkan kepada badan tersebut untuk mengelakkan berlakunya sebarang penyelewengan fakta serta dakwaan. BPR hanya menjalankan siasatan terhadap mana-mana orang yang dituduh serta mencari saksi sebagai bukti untuk penghujuhan.

5. Kuasa pendakwaan memang menjadi hak Peguam Negara dalam sebarang pertuduhan yang dibawa ke mahkamah. Perkara ini tidak diubah dalam SPRM yang menjadi isu perbahasan hangat di Parlimen.

6. Perlantikan Lima orang ahli Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia akan diputuskan oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong setelah mendapat nasihat daripada Perdana Menteri. Perkara ini tetap sama dengan mana-mana perlantikan ahli suruhanjaya lain yang telah menjadi amalan di negara ini berdasarkan Perlembagaan Negara.

7. Pelbagai tindakan serta perancangan telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi mengurangkan gejala rasuah terus berlaku di negara ini. Walau bagaimana pun, index kadar rasuah yang dikeluarkan oleh CPI telah meningkat ekoran daripada tindakan individu tertentu yang telah memberikan gambaran negatif kepada negara melalui pertemuan-pertemuan mereka dengan agensi tersebut.

8. Rang Undang-undang Suruhanjaya Perlantikan Hakim (SPH) dibentangkan bertujuan untuk menyelaras serta memperbaiki amalan perlantikan Hakim yang dilakukan sejak sekian lama. Kerajaan merasakan perlu dipinda beberapa elemen yang terdapat dalam cara perlantikan Hakim. SPH merupakan sebuah badan yang akan menyelaras serta mengenal pasti calon-calon yang berkelayakan untuk dipertimbangkan sebagai hakim sebelum diserahkan kepada Perdana Menteri bagi dipersembahkan kepada DYMM Seri Paduka Yang Di Pertuan Agong.

9. Suruhanjaya Perlantikan Hakim akan sentiasa berunding dan bermesyuarat bagi mengenal pasti serta menapis nama-nama calon Hakim yang berkelayakan untuk dipertimbangkan bagi mengisi kekosongan jawatan Hakim yang berlaku.

10. Semua rakyat Malaysia yang mempunyai kelayakan adalah layak untuk dipertimbangkan oleh SPH bagi mengisi jawatan Hakim tanpa mengira kaum, agama, kedudukan dan negeri. SPH akan mengsyorkan kepada Perdana Menteri untuk dibawa ke mesyuarat Majlis Raja-raja yang akan bermesyuarat bagi menentukan perlantikan Hakim. Nama-nama yang dicadangkan oleh SPH akan dipertimbangkan sebelum diterima oleh DYMM Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong.

11. Suruhanjaya ini mempunyai tanggungjawab bagi mempertahankan Perlembagaan Negara agar setiap kandungan mengenai perlantikan Hakim tidak akan dicabul serta bagi melindungi rakyat Malaysia daripada sebarang pencabulan hak mereka.

12. Melalui pembentangan kedua-dua Rang Undang-undang ini telah menampakkan kesungguhan Perdana Menteri untuk melaksanakan sebuah kerajaan dan negara yang bersih daripada rasuah serta mengamalkan nilai-nilai integriti. Hasrat Perdana Menteri untuk melihat negara ini bebas daripada amalan rasuah bermula dengan penubuhan Pelan Integriti Nasional dan penubuhan Institut Integriti Malaysia sejak beliau mula mengambil – alih kepimpinan negara.

13. Integriti adalah menjadi Iktizam kerajaan melalui beberapa pendekatan yang telah dikenal pasti. Antaranya melaksanakan sistem penyampaian kerajaan yang berkesan serta bebas daripada gejala rasuah. Pembenterasan rasuah perlu bermula daripada awal pendidikan lagi. Pendidikan adalah elemen yang penting untuk membasmi gejala buruk ini selain daripada melaksanakan hukuman. Hukuman adalah jalan keluar terakhir bagi membendung merebaknya wabak negatif ini.

14. Malaysia yang mengamalkan nilai-nilai demokrasi tetap berpegang kepada kepercayaan rakyat yang telah memberi mandat untuk memerintah serta menjaga keselamatan, keamanan dan keharmonian negara dan rakyat yang berbilang kaum ini. Setiap rang undang-undang yang digubal, dipinda adalah untuk menjaga kepentingan untuk semua rakyat. Malaysia tidak perlu tunduk serta mencontohi negara-negara lain dalam sebarang urusan untuk mentadbir negara. Niat serta cubaan untuk menjatuhkan kerajaan melalui kekerasan, demontrasi serta pelbagai cara lain merupakan perbuatan segelintir rakyat yang kecewa.

TRANSKRIP

PERANTARA: Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera saudara, bertemu dalam Rancangan 60 Minit Bersama Menteri pada malam ini dan pada malam kita rasa bertuah, bersyukur kerana kita mengadakan siaran langsung ini dari Dewan Parlimen di Dewan Rakyat kita pada malam ini. Dan Persidangan Dewan Rakyat bagi mesyuarat ketiga penggal pertama Parlimen ke - 12 minggu ke – 8 yang berakhir semalam hari selasa mencatatkan sejarah sendiri di mana mesyuarat kali ini dengan jelas memperlihatkan kekuatan kerajaan Barisan Nasional memperjuangkan kepentingan rakyat melalui pelbagai walaupun bilangan wakil rakyat yang tidak mencapai 23 di Dewan Rakyat selain 45 hari bersidang bermula 18 Ogos, 2008 yang lalu, dua undang-undang penting yang dijanjikan oleh Perdana Menteri ialah Dato' Seri Abdullah Ahmad Badawi untuk menambah baik pentadbiran sektor awam khususnya dalam membasmi rasuah dan meningkatkan keyakinan rakyat kepada sistem kehakiman negara telah berjaya dibentang dan diluluskan.

Bersama saya pada malam ini untuk membincangkan serba sedikit perihal dewan itu ialah Y.B. Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Selamat Dato' Seri ke Rancangan 60 Minit Bersama Menteri kita dan terima kasih kerana kita bersiaran langsung di Dewan Rakyat, Dato' Seri. Sebelum kita menyentuh tentang ini, apa kata kita ikuti dahulu Rang Undang-Undang yang telah dibentangkan oleh Dato' Seri mewakili Perdana Menteri ya untuk kita ikuti bersama dan selepas itu kita akan mengulas tentang perkara tersebut. Silakan.

(Sedutan dari Parlimen...)

AHLI PARLIMEN: "Langkah Kerajaan mencadangkan Rang Undang-Undang Suruhanjaya Pencegah Rasuah 2008 ini, jelas membuktikan kesungguhan dan iktizam

berterusan kerajaan *practical way of abuse it* dengan izin. Bagi memenangi jenayah rasuah yang semakin sofisikated dan complikated dengan izin dan kini telah merentas sempadan ekoran dari perkembangan teknologi maklumat yang semakin maju dan pantas telah banyak berlaku perubahan dalam tempoh sedekad yang lalu dan kini telah tiba masanya undang-undang yang sedia ada di beri nafas baru bagi memastikan perlaksanaan dan penguat kuasaannya yang lebih berkesan bersesuaian dengan keadaan masa kini.

Rang Undang-Undang ini juga di harapkan mampu untuk meningkatkan keberkesanan dan kecekapan memperbaiki persepsi kebebasan dan ketulusan serta meningkatkan tahap profesionalisma suruhanjaya yang bakal beroperasi pada tahun hadapan. Sokongan oleh beberapa mekanisma tanggungjawab yang diwujudkan akan memastikan suruhanjaya bertindak dengan telus selaras dengan kehendak perundangan negara dan aspirasi masyarakat adalah menjadi harapan kerajaan dan undang-undang ini mendapat sokongan dan di terima baik oleh semua pihak termasuk pihak pembangkang arah membina Malaysia yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang untuk membuat peruntukan yang selanjutnya dan lebih baik bagi pencegahan rasuah dan bagi perkara-perkara yang perlu tanda tanya dan yang berkaitan dengannya di bacakan yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas."

"Yang di Pertua, saya ingin mengalu-alukan insentif Perdana Menteri dan kerajaan mengemukakan satu rang undang-undang yang amat penting bagi negara selayak seperti jaminan yang di buat oleh Perdana Menteri selama ini. Saya sambut baik insentif ini kerana ternyata ia merupakan satu pembaharuan dan jauh lebih baik dari peraturan dan undang-undang yang sedia ada."

PERANTARA: Ya demikian tadi saudara antara yang kita dapat perhatikan sebagai orang yang bertanggungjawab membawa perkara tersebut Dato' Seri, saya dapat perhatikan bagaimana Dato' Seri melihat undang-undang ini dan saya ingin berkongsilah pengalaman sepanjang masa, tempoh ini saya ingat satu cabaran yang begitu getir ya, tetapi begitu ramai 82 lebih kurang ahli-ahli

Parlimen di pihak pembangkang untuk membawa satu undang-undang, dua undang-undang yang saya rasakan memang begitu *logical*nya kepada Perdana Menteri khususnya Dato' Seri?

MENTERI: Terima kasih kerana menjemput saya untuk datang ke studio pada malam ini, betul macamana saudara sebut sebentar tadi ini merupakan dua rang undang yang sangat penting dalam usaha Y.A.B Perdana Menteri yang mahu memperbaiki kita punya *legal system* tanpa dua rang undang-undang ini saya rasa segala apa yang diimpikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri mungkin tidak kesampaian. Jadi memandangkan kepada kepentingan betapa pentingnya kedua-dua rang undang-undang ini dan juga mengambilkira satu daripada rang undang-undang itu sebenarnya sepatut di bawa oleh bekas Menteri undang-undang dahulu.

Jadi bermakna saya ini bidan terjunlah, bidan terjun memandangkan juga saya bidan terjun walaupun kita mendapat sokongan daripada pembangkang yang mana saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih. Namun kita tahu bahawa mereka tidak akan memberikan laluan yang mudah sepertimana yang di nampakkan iaitu waktu saya menggulung bagi bacaan kedua dianya telahpun berjalan selama 5 jam 30 minit. Jadi ini bukan laluan yang mudah tetapi saya telah mengambil tindakan awal dalam perkara ini. Pertamanya, sudah tentulah saya membuat walaupun di siang hari saya berada di Dewan Rakyat, nampak saya bergaul dengan ahi-ahli Parlimen, namun apabila saya balik ke rumah saya masih membuat kajian pada tiap-tiap malam.

Jadi ini bukan satu perkara yang maknanya di letak di atas meja saya kemudian saya bentang, saya jawap sesuka hati saya, tidak, saya sebenarnya membuat kajian, mengkaji rang undang-undang ini dan membaca apabila saya balik ke rumah, pada tiap-tiap malam sebelum ianya di bentang. Keduanya sudah tentulah saya terpaksa suka ke tidak suka mesti beri laporan yang baik dengan ahli-ahli Parlimen termasuk di pihak pembangkang, orang putih kata *engage* dengan mereka. Alhamdulillah hasil daripada tindakan awal yang saya ambil dua perkara ini, sebenarnya kita lihat iaitu rang undang-undang ini telahpun dilulus kedua-duanya di Dewan Rakyat dan akhirnya di

Dewan Negara laluanya agak mudahlah jika di bandingkan dengan laluan yang tidak diberi di Dewan Rakyat.

PERANTARA: Mungkin apa hendak buat selepas ini Dato' Seri ya. Mungkin hendak berehat seketika?

MENTERI: Saya ada lagi sebenarnya dua rang undang-undang yang penting, yang juga ke arah untuk memastikan apa yang diimpikan oleh Y.A.B. Perdana Menteri hendaklah dilaksanakan. Pertama, rang undang-undang perlindungan saksi, apa yang kita mahukan di bawah rang undang-undang pencegahan rasuah, Suruhanjaya Pencegah Rasuah ini ianya tidak lengkap kalau sekiranya kita tidak juga meluluskan Rang Undang-Undang Akta Perlindungan Saksi. Jadi ini telahpun dibuat bacaan pertama pada sesi ini dan akan diadakan pembentangan bacaan kedua dan penggulungan dan hingga kepada bacaan ketiga pada sesi yang akan datang.

Lagi satu ialah apa dikatakan Rang Undang-Undang Etika Hakim. Ini juga kita sudah ada apa ni, Akta Suruhanjaya Perlantikan Hakim namun apabila hakim itu di lantik harus ada etika untuk mereka supaya mereka bertindak mengikut apa yang ditentukan. Jadi ini juga satu rang undang-undang yang penting bagi melengkapkan apa yang telah kita bentang dan kita bahaskan dalam sesi ini. Jadi kedua-duanya akan dibincang pada tahun hadapan, Dewan Rakyat akan bersidang dengan ucapan Seri Paduka Yang di Pertuan Agong pada 16 Februari.

PERANTARA: Dan satu lagi resepi mungkin boleh kita berkongsi bersama oleh Dato' Seri. Dato' Seri begitu tenang untuk menjawap, apakah rahsia semasa menggulungkan dua rang undang-undang yang saya ingat dua rang undang-undang begitu serius dan juga mengambil perhatian Malaysia dan juga dunia Dato' Seri.

MENTERI: Memang betul, ini merupakan dua rang undang-undang yang sukar. Sebenarnya daripada segi tentangan kita juga mendapat tentangan daripada

sebahagian daripada masyarakat berkenaan dengan rang undang-undang ini. Sepertimana yang diperlihatkan di dalam dewan, kita juga mendapat tentangan daripada pihak pembangkang dalam perkara-perkara tertentu walaupun pada umumnya mereka sokong, ada perkara-perkara tertentu yang mereka tentang iaitu seperti kebebasan kepada pihak Suruhanjaya Anti Rasuah untuk mengambil tindakan pendakwaan di mahkamah.

Saya menerima tentangan yang begitu hebat daripada pihak pembangkang. Namun saya kira pada ketika saya membentang rang undang-undang ini, saya mengambil satu tindakan untuk fokuskan, fokuskan saya punya perhatian untuk pastikan rang undang-undang ini mesti dilulus. Pengalaman saya 18 tahun dalam Dewan Negara, Dewan Rakyat, saya tahu itu bahawa pihak pembangkang akan cari jalan bagaimana untuk menganggu. Jadi pengalaman ini banyak mengajar saya supaya tenang dan sebenarnya akhirnya kalau sekiranya rang undang-undang ini terkandas ataupun berlaku satu perkara seperti *walkout* ke apa ke, sedikit sebanyak akan menjadikan rang undang-undang ini sedikit tawarlah.

Jadi saya kena pastikan tidak ada *walkout*, pastikan jangan dia terkandas kerana akhbar sehari sebelum ataupun pada hari rang undang-undang ini hendak dibentang mereka telah meramalkan banyak telah meramalkan bahawa rang undang–undang ini akan jadi satu rang undang-undang yang akan terkandas dan mungkin akan diserahkan kepada Parlimen untuk setiap komuniti memperbaiki. Jadi sebab itu fokus saya punya perhatian, saya punya agenda pastikan dia lulus. Jadi yang penting saya kena banyak sabar dan saya kena menjawab semua perkara yang dibangkitkan sebab kalau saya tidak menjawab dianya akan dianggap sebagai *bulldozing* jadi *bulldozing* ini saudara tahulah mungkin dia orang akan marah dan dia orang akan *walkout* dan macam-macam berlaku tetapi alhamdulillah.

PERANTARA: Tahniah Dato' Seri ya, disini mereka mengenali Dato' Seri sebagai *chief* ya, kita ikuti dahulu antara perkara-perkara menarik yang dibangkitkan semasa rang undang-undang itu dibentangkan. Silakan.

(Sedutan dari Parlimen...)

AHLI PARLIMEN: “Y.A.B Perdana Menteri boleh semak rekod kalau pada masa itu Badan Pencegah Rasuah memang menentang kemasukan itu, dengan cukup keras memohon di bawa semula rayuan untuk pertimbangan kami dan kami juga menyokong pada ketika itu. Ketika itu supaya dikekalkan. Memang benar saya bentangkan dan saya bertanggungjawab akhirnya membentangkan. Tapi fakta ini tidak boleh dinafikan dan ini mengikut rekod yang ada, bukannya saya ada-adakan”.

“Sebab itulah sekali lagi saya dalam menyokong cadangan pindaan ini meminta supaya Y.A.B. Perdana Menteri memberi pertimbangan yang sewajar dan adil tidak cukup untuk mengatakan Peguam Negara ini seorang tetapi yang kita bicarakan ini Jabatan Peguam Negara.”

YANG DI PERTUA: Ya Pasir Mas.

(Dari Pasir Mas)

AHLI PARLIMEN: “Terimakasih Y.B Dato’ Pengerusi, saya merujuk kepada Fasa 56 iaitu hanya hendak menumpukan kepada satu perkara yang saya kira penting kerana melibatkan kredibiliti seseorang ianya berbangkit daripada apa yang disebut oleh Y.B. yang membawa pindaan ini dan juga Y.B. Ketua Pembangkang daripada Permatang Pauh di mana kuasa pendakwaan yang dahulunya terletak di bawah Ketua Pengarah BPR terhapus apabila pindaan dibuat pada tahun 1997. Y.B. Ketua Pembangkang pada waktu itu sebagai Pemangku Perdana Menteri membentang sendiri pindaan ini. Kalau tidak silap saya dan yang pentingnya mengatakan bahawa pada waktu itu pindaan dibuat terikat tangan ataupun mendapat arahan daripada Peguam Negara ataupun Perdana Menteri.

Ini kenyataan dibuat pada waktu perbahasan dasar dan disiarkan dalam akhbar dan ada juga dalam internet dan saya baru menerima satu SMS yang tidak payah saya

sebut nama. Saya hanya sekadar membangkit perkara ini dan saya berharap janganlah, saya percaya Y.B Ketua Pembangkang tadi apabila menyebut ahli Y.B daripada Merbok, maaf daripada Jerlun mengatakan ini anak hendak belot bapa, kita mesti mendengar apa yang dicakap, dia cakap sama ada benar ataupun tidak bukan masalah kerana anak nak bela bapa saya pun tidak bercadang nak jadi hulubalang, saya nak mencari kebenaran. Iaitu kalau benar katanya arahan bekas Perdana Menteri ini cakap ini arahan daripada perdana menteri saya buat itu. Jangan bermain dengan kata-kata yang licin.

PERANTARA : Dato' Seri bagaimana kita melihat itu antara katanya terikat tanganlah bagaimana.

MENTERI: Ini yang saya cakap tadi, tentangan yang hebat yang dibuat oleh pembangkang ialah berkenaan kebebasan untuk Badan Pencegah Rasuah (BPR) membuat pendakwaan jadi sebenarnya pertama saya nak perbetulkan fakta iaitu dalam sejarah kita tidak pernah memberikan kuasa pendakwaan secara sepenuhnya kepada BPR melainkan untuk memberikan *delegate* kuasa sahaja, kerana pertama dalam perlembagaan kita pendakwa hanya boleh dibuat oleh Peguan Negara. Tetapi masalah Ketua Pembangkang yang saya lihat dia tidak percaya kepada individu Peguam Negara itu iaitu saudara Ghani Patail mungkin dia ada banyak masalahlah dalam kes mahkamah pun tidak selesai lagi. Jadi dia tidak percaya, tidak yakin kepada individu itu tetapi sebenarnya kalau marah nyamuk jangan bakar kelambu. Sebenarnya kalau seorang individu itu, Peguam Negara itu orang yang dikatakan seorang yang berkelayakan sebenarnya apa yang ada diberikan kepada Peguam Negara hari ini saya itulah yang terbaik sekali. Kalau mereka percaya kepada individu Peguam Negara itu mereka akan mengatakan apa kuasa yang ada pada Peguam Negara itu terbaik sekali masalah dia kita semua tahu, orang tahu Dato' Seri Anwar Ibrahim sememangnya dengan *Attorney General* Ghani Patail ada masalah kerana saling saman menyaman dimahkamah. Nombor tiga, yang saya nak sebut disini kita tidak boleh beri kuasa pendakwaan kepada BPR kerana badan ini adalah penyiasat, dalam keadaan dia menyiasat itu telah mewujudkan satu hubungan yang baik dengan orang yang

menyiasatkemungkinan akan boleh berlaku tawar menawar, pilih kasih dan beri pilihan dan saya dakwa awak dibawah seksyen yang kurang menekan ke, kita tidak boleh benarkan itu, wal hal kepada pendakwa raya dia tidak kenal siapa yang dia siasat, dia cuma ada fail dia saja. Jadi sebab itu kita tidak pernah memberikan kuasa pendakwaan kepada penyiasat kerana untuk mengelak daripada adanya *conflict interest*. Nombor empat kalau diminta supaya Ketua Pesuruhjaya Badan Pencegah Rasuah diberi kuasa untuk mendakwa mengapa pembangkang tidak suruh IGP juga ada kuasa mendakwa sebab dia juga ada sebab dia juga badan penyiasat jenayah bagilah IGP kuasa dia tidak mahu pula, sebab mungkin dia tidak percaya kepada polis, jadi dia orang banyak *personal interest*. Kalau dia suka pada AG, dia kata AG bagus kalau tidak dia kata tidak bagus. Kalau memihak kepada mereka itulah dia kata baik. Berdasarkan kepada fakta yang saya berikan sebentar tadi saya ingat kita tidak boleh berikan kuasa pendakwaan kepada pihak pencegah rasuah.

PERANTARA: Dato' Seri Ketua Pembangkang suatu masa dulu pernah membentangkan dan Dato' Seri pun masa itu dalam kabinet juga. Bagaimana Dato' Seri melihat itu ?

MENTERI: Saya tidak dibawah jemaah menteri, saya Timbalan Menteri saja. Yang dibentangkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim waktu dia *acting Prime Minister* saya membentang rang undang-undang yang sama iaitu Akta Pencegah Rasuah 1997 diDewan Negara, pada ketika itu saya tidak dengar pun cerita kata di ikat tangan tidak berbangkit pun. Tetapi seperti yang saya sebut tadi iaitu soal pendakwaan tidak diberikan kepada pihak BPR tidak pernah walaupun Akta 1982, kerana yang dikatakan mereka boleh mendakwa itu sebenarnya kena dibaca dengan Akta 1961 yang mana akta nombor satu itu jelas menyatakan bahawa semua pendakwaan tetapi mestilah mendapat keizinan Peguam Negara.

PERANTARA : Kembali saudara dalam rancangan 60 minit bersama menteri , kita bersiaran secara langsung dari Dewan Rakyat, Parlimen kita. bersama Dato' Seri Mohamad Nazri Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan kita akan ikuti

sedikit lagi mengenai SPRM yang selalu menjadi hasrat kita, kalau kita dapat perhatikan inilah perkara yang kita sering dibangkitkan dan saya difahamkan agak lama Dato' Seri menggulung SPRM di Dewan Rakyat.

MENTERI: Ia bermula pada hari Isnin jam 2.30 petang, semasa membentang saya megambil masa 45 minit, kemudian di bahas oleh ahli-ahli Parlimen pada hari Isnin sampai jam 11.30 malam besoknya dimulakan jam 10.00 pagi, kita tidak ada soalan kerana waktu ini waktu kecederaaan lah bagi ahli Parlimen membahas rang undang-undang.Mula pukul 10.00 pagi habis pukul 1.00 tengahari dan saya mula menjawab jam 2.30 petang menggulung dan saya habis menjawab menggulung jam 8.30 malam kalau tidak silap saya. Kerana walaupun semasa mereka membahas saya mencatit di bilik saya.

PERANTARA: Kita ikuti antara yang ditanya semasa sesi soal jawab di Parlimen, teruskan.

(Sedutan dari Parlimen...)

AHLI PARLIMEN: "Tuan Yang Di Pertua Perlantikan 5 orang oleh menteri itu saya percaya perlu ada pertimbangan Parlimen, sebabnya hari ini mungkin menteri ini dia tidak rasuah kita tidak tahu yang lain yang duduk itu disini kita tidak rasuah saya percaya Tuan yang diPertua. Jadi kalau seorang daripada mereka yang menjadi menteri jadi apa yang akan berlaku. Nasib baik ada masa sebab pertimbangan, perancangan yang duduk disana itu tidak setimpal dengan perancangan Tuhan. Perancangan Tuhan yang berjaya memberi masa dan laluan untuk kita ini supaya kita boleh debat dan bawa hal ini ke Parlimen dan dan supaya satu Suruhanjaya yang bebas ditubuhkan."

PERANTARA : Ya, Dato' Seri antara yang dibangkitkan menyatakan Suruhanjaya Bebas ini sejauh manakah dikatakan bebas. Katanya semuanya kuasa Tuhan.

MENTERI: Ini satu perkara yang dibangkitkan mereka mengatakan siapa juga yang dilantik oleh Perdana Menteri ,orang yang dilantik oleh Perdana Menteri itu adalah terikat. Saya hendak tanya yang pertama soalnya semenjak kita merdeka dulu sememangnya dari segi perlantikan *commissioner* ke apa ke dilakukan seperti apa yang kita buat hari ini. Iaitu Seri Paduka Baginda Yang di Pertuan Agong melantik atas nasihat Perdana Menteri jadi Perdana Menteri lah yang melantik, kalau kita nak pertikaikan itu bahawa Perdana Menteri ada pengaruh dalan hal ini sebenarnya siapa yang akan melantik, siapa yang boleh turun kebawah mengatakan dialah bebas, mestilah perlantikan itu untuk menjadi sah dilantik oleh Perdana Menteri dan kita berilah kepada Perdana Menteri kerana akhirnya Perdana Menteri ini dia mendapat mandat daripada rakyat.

Perdana Menteri datangnya daripada ahli-ahli Parlimen yang mendapat sokongan ahli-ahli Parlimen yang terbesar didalam dewan. Ahli Parlimen di pilih oleh rakyat. Inilah mandat yang kita maksudkan. Bahawa Perdana Menteri mempunyai hak untuk melantik. Keduanya kalau kita katakan kebebasan, katakanlah bukan Perdana Menteri yang melantik, Parlimen yang lantik, kalau Parlimen yang lantik ia bebas dari Perdana Menteri tetapi ia tidak bebas dari Parlimen. Kalau ahli Parlimen buat salah macam mana. Katakanlah BPR ini dibawah Parlimen ia tidak bebas dari Parlimen pula, orang mempertikai juga. Kalau nak bercakap pasal kebebasan ini ia tidak habis dan saya tidak percaya dan tidak pernah menjadi satu *option* untuk meletakkan ACA ini, suruhanjaya ini di bawah Parlimen. Pernah berlaku semasa 1999 , BPR membuat penyiasatan ahli Parlimen dan Ketua Pembangkang ketika itu Lim Kit Siang, dia mempertikaikan kemasukan BPR untuk menyiasat ahli Parlimen Jeli ketika itu. Jadi nampak campur tangan. Jadi kebebasan ini, saya kira untuk mendapat kebebasan mungkin tidak akan berlaku. Kebebasan mutlak tidak akan berlaku. Tiada siapa yang boleh turun, aku turun daripada langit aku telah dilantik sebagai pesuruhjaya dan aku bebas. Melainkan dia dilantik secara amalan kita sebagai *convention* agong melantik atas dasar nasihat Perdana Menteri.

PERANTARA : Isu kebebasan sering dikaitkan ialah sebagai alasan, jadi sebagai yang kita jelaskan tadi, kita tidak boleh berbuat apa-apa. Itulah yang boleh kita lakukan memang perlu dilakukan secara *conventional*. seterusnya kita ikuti perbahasan semasa di Dewan Rakyat teruskan.

(Sedutan dari Parlimen...)

AHLI PARLIMEN: "Saya bangun untuk menyokong pindaan ini dan saya nampak dengan pindaan ini memberi bentuk undang-undang atau *legal form* kepada amalan pentadbiran yang dicadangkan oleh YB Menteri dalam ucapan semalam. Apabila beliau berkata amalan kuasa untuk pendakwa akan di wakilkan di *delegate* kan kepada Pesuruhjaya dengan kuasa yang diberikan oleh Perdana Menteri. Dengan pindaan ini kita kan memberi bentuk undang-undang kepada amalan ini dan jadi ini lebih selamat daripada masalah yang kita lihat itu pengaruh yang besar daripada Jabatan Peguam Negara. Jadi pindaan ini harus dibaca dengan pindaan seksyen 58 dua-dua bersama".

YANG DI PERTUA: "kita tidak bersetuju dengan Ipoh Timor ini kerana pertamanya amalan, dari segi amalan pun semenjak kita merdeka tertubuhnya Unit Pencegah Rasuah dari segi amalannya tidak pernah kita asingkan, kita berikan kuasa yang *total,* terus berikan kepada Ketua Unit ataupun Pesuruhjaya sekarang ini. Jadi sebab itu kalau Yang Berhormat kata CPI kita apabila ada lagi menurun saya rasa CPI kita menurun bukan kerana kita bentang rang undang-undang atau tidak tetapi kerana perangai Ipoh Timor dia yang merosakkan. Kita nak buat benda yang baik dia cerita benda yang tidak baik persepsi ini apa yang didengar. Jadi kalau Yang Berhormat kata di Hong Kong dan Singapura bagus, kalau Yang Berhormat boleh cadang saya pun cekup juga pembangkang seperti di Singapura dan Hong Kong. Barulah persepsi indeks naik tinggi. Itu ialah kerana persepsi ini ialah apa yang di dengar. Pembangkang Ipoh Timor hari-hari mengatakan apa yang kita buat tidak bagus. Sebab itulah walaupun kita bentangkan rang undang-undang ini CPI kita jatuh kerana dialah".

PERANTARA: Itu tadi apa yang kita dapat saksikan tadi yang mana Y.B Dato' Seri menjawab. Itu tadi Dato' Seri, memang mereka menyokong dalam masa yang sama mereka cuba memperlekehkan undang-undang ini kata tidak telus lagi. Macam mana Dato' Seri melihat ini tadi?

MENTERI: Sebenarnya Kit Siang dia tidak konsisten. Dia cuba meyakinkan saya untuk meminda benda ini. Dia kata kalau saya terima pindaan ini, kalau tidak silap saya mengenai pendakwaan itulah. Dia kata seperti di Hong Kong dan juga Singapura, apabila bentang saja undang-undang maka CPI *(Corruption Perception Index).* Jadi kita semua tahulah, Hong Kong terletak di bawah Republic of China. Iaitu sekarang ni walaupun nampak lebih *free market* tetapi *Communist Party* yang memerintah negara ini. China merupakan satu *regime* yang cukup ketat. Yang tidak membenarkan kebebasan bersuara. Begitu juga Singapura, semua orang tahu, juga sebuah negara yang memantau. mengawal ketat. Kalau orang silap sikit, maka akan didakwa dan mahkamah Singapura semua orang taulah mengikut telunjuk Kerajaan. Jadi di Hong Kong dan Singapura CPI dia naik sebab orang dah tak bercakap. Persepsi ini apa yang didengar.

Jadi sebab itu di Malaysia ini walaupun kita bentang rang undang-undang yang memang cukup baik. Malah Ketua Pencegah Rasuah Hong Kong kata, ini jauh lebih baik daripada Hong Kong. Tapi persepsi CPInya turun sebab Kit Siang hari-hari dok bercakap. Persepsi ni bukan benda betul. Persepsi ini apa yang didengar. Dan kalau pulak mereka selalu dengar, yang rajin dok pi bercakap dengan CPI punya orang ni, Ipoh Timur. Bercakap setiap hari. Jadi mereka pun katalah rasuah tinggi. Walhal kita telah pun ambil tindakan yang berbagai-bagai.

Jadi sebab itu pada saya, apa yang dibangkitkan oleh Kit Siang, wakil rakyat Ipoh Timur ini tidak betul. Dan kalau sekalipun dia minta pinda, kita terima pindaan dia. Apa jaminan CPI akan turun. Tidak ada jaminan kerana dia akan terus bising. Mereka cuba untuk nak mendapat sedikit *mileage* lah. Kerana apa yang Kerajaan buat ini adalah

baik. Jadi kalau dia boleh selit sikit, satu pindaan ke, dua, tiga kita terima. Nampaklah peranan yang dimain oleh mereka itu. Itu saja, tak lebih daripada itu.

PERANTARA: Jadi Dato' Seri, kalau kita perhatikan apakah sebab yang menyebabkan Dato' Seri merasa gembira kerana kelulusan rang undang-undang ini. Tiada satu pindaan yang dibuat sepanjang ini. Bagaimana Dato' Seri ?

MENTERI: Sebenarnya, saya teringat satu penyataan yang dibuat dalam Parlimen dulu oleh Y.B daripada Pokok Sena. Dia kata "*what kind of man is this minister* . satu benda pun yang dicadang tidak diterima". Tak saya bukan begitu. Pernah berlaku disatu pembentangan. Ada Bukit Gelugor bangkit isu yang saya anggap penting. Dan saya minta supaya dipinda. Cuma dalam rang undang-undang Akta Pencegahan Rasuah ini, cadangan mereka tak munasabah. Jadi saya bukan satu manusia yang tidak boleh diyakinkan. Ataupun jumud/*inflexible*. Kalau cadangan itu adalah baik saya boleh terima. Tapi cadangan itu hanya menunjukkan mereka hendakkan sedikit sumbangan. Saya tak boleh terima berdasarkan kepada itu.

PERANTARA: Itulah pendirian Dato' Seri. Kalau benda itu munasabah, mungkin kita boleh terima. Dan kita sentuh sikit selepas SPRM ni Dato' Seri. Kita ada sedikit sedutan tentang Suruhanjaya Kehakiman. Ini pun menjadi satu tajuk yang hangat. Kita ikuti sedutan berikut. Kupasan mengenai Suruhajaya Kehakiman. Silakan.

(Sedutan dari Parlimen...)

AP TUARAN: Saya tidak bercadang untuk menyentuh perkara-perkara berkaitan undang-undang ini lagi Dato' Speaker. Hanya saya berharap, dalam hal perlantikan hakim-hakim, semua rakyat Malaysia, tanpa mengira keturunan dan agama, sama-sama mempunyai hak dan peluang untuk dilantik. Kalau kita mahu rakyat memberi keyakinan kepada kehakiman. Maka kita juga harus memberi keyakinan kepada rakyat.

Dato' Speaker, pendirian saya ialah pada keseluruhannya matlamat dan rang undang-undang ini baik. Hanya saya melihat ada satu seksyen/perkara yang menyebabkan mungkin *bill* ini *contradict* dengan Perlembagaan. Cadangan saya, saya menyokong pada keseluruhan undang-undang ini hanya dalam perkara 26, 27, 28 ini. Ianya harus diperhalusi dan mungkin diubah. Kita boleh buat ini dalam peringkat jawatankuasa ya, Dato' Speaker. Pada keseluruhan, saya menerima baik kerana ini ialah satu titik tolak kepada kita untuk memperbaiki. Memperkasakan martabat kehakiman kita.

Saya gulung ya, Dato' Speaker. Saya mengakhiri hujah saya ini dengan mengatakan bahawa. Tanggungjawab badan kehakiman ialah dalam mempertahankan kedaulatan Perlembagaan. Persekutuan sebagai *the supreme law of the country* dan kita harus dapat mempertahankan hak-hak dan keadilan semua rakyat Malaysia di bawah Perlembagaan. Kita mahu melihat bahawa dalam keputusan-keputusan badan kehakiman di masa akan datang, *the supremacy of the constitution of our Country must applied, no matter what it is.* Yang penting ialah Dato' Speaker, keadilan dan kesaksamaan, peluang untuk semua rakyat untuk dilantik dalam Badan Kehakiman Negara.

Dato' Speaker, sekian dan saya harap pihak Kerajaan mempertimbangkan cadangan saya tadi.

PERANTARA: Demikian tadi wakil Tuaran. Bagaimana komen Dato' Seri tentang ini?

MENTERI: Sebenarnya bukan wakil dari Tuaran sahaja. Ramai juga wakil daripada Malaysia Timur membangkit soal yang disebut tadi. Perlembagaan. Jangan kita bertentangan dengan Perlembagaan. Dan perkara khusus yang dibangkitkan ialah berkenaan dengan rundingan yang wajib dibuat oleh Perdana Menteri dengan Ketua Menteri dan juga Yang Dipertua Negeri Sabah dan Sarawak.

Jadi saya cuma nak mengatakan yang penting, pokoknya jangan bertentangan dengan Kerajaan. Apabila kita langsung tidak membuat apa-apa pindaan terhadap Perlembagaan dalam kita membentang dan meluluskan rang undang-undang Suruhanjaya Perlantikan Hakim ini. Bermakna apa yang termaktub dalam perlembagaan itu langsung tidak terjejas. Bermakna rundingan akan terus dilakukan dengan pihak Sabah dan Sarawak seperti Ketua Menteri dan juga Yang Dipertua Negeri. Begitu juga dengan Raja-Raja Melayu. Kita tidak membuat apa-apa pindaan. Bermakna perlantikan hakim-hakim ini dilakukan oleh SPBYD Agong, atas nasihat Perdana Menteri setelah berunding dengan Majlis Raja-Raja. Dan Raja-Raja Melayu itu akan terus berjalan. Langsung tidak terjejas. Dan Mesyuarat Raja-Raja Melayu ini dihadiri juga bersama oleh Yang Dipertua Sabah dan Sarawak. Juga Ketua Menteri Sabah dan Sarawak. Jadi apabila kita berunding dengan Raja-Raja Melayu, bermakna kita juga berunding dengan Yang Dipertua Sabah dan Sarawak.

Selain daripada itu, amalan yang dilakukan selalu ialah… Perdana Menteri akan menulis surat dan bertanya kepada Ketua Menteri dan Yang Dipertua Sabah dan Sarawak. Ini akan berjalan seperti biasa. Apa yang kita lakukan ini ialah hanya untuk memastikan ada satu sistem untuk memberikan nama-nama kepada Perdana Menteri untuk dipilih sebagai hakim. Dulu tak ada, sekarang dah ada sistem itu. Jadi rakyat akan tahu bagaimana nama-nama hakim itu dipilih. Dan kalau sekiranya Sabah dan Sarawak ada ada cadangan mereka. Suruhanjaya ini, dia tidak hanya mesyuarat bila ada kekosongan hakim. Dia mesyuarat sepanjang masa dan di antara kerja dia ialah menapis nama.

Jadi oleh kerana itu, rundingan juga boleh dilihat kalau sekiranya Sabah dan Sarawak memberi nama kepada Suruhanjaya ini untuk dilihat samada orang ini layak ataupun tidak. Nanti apabila ada kekosongan nama itulah juga yang akan kita cadangkan sekiranya dia tidak menghadapi sebarang masalah. Jadi sebenarnya kekhuatiran ahli-ahli Parlimen daripada Sabah Sarawak itu sebenarnya tidak berbangkitlah.

PERANTARA: Dan sepanjang perbahasan juga Dato' Seri. Ketua Pembangkang juga berjanji, menyokong kedua-duanya tetapi perlu juga membuat pindaan kepada Perlembagaan. Dan Dato' Seri sendiri menolak, katanya walaupun janji diberi tapi tidak boleh dipercayai. Bagaimana Dato' Seri?

MENTERI: Saya memang tidak percaya, malah mereka cuba memerangkap saya. Apabila di antara sebab mengapa sesetengah daripada rang undang-undang itu kita tidak buat pindaan kepada perlembagaan. Kerana kita tidak percaya kepada pihak pembangkang. Tidak percaya itu berdasarkan kepada fakta. Kerana pembangkang, walaupun ada 81lah ya. Satu tu bebas, selalu dia pro kita. Mereka ada 81, mereka sentiasa nak buat percubaan untuk merampas kuasa menerusi memujk ahli-ahli Parlimen. 81 berbanding dengan 140 tu, walaupun dua sekarang ini sudah masuk Bebas tetapi mereka tetap menyokong BN. 81 tidak mungkin boleh menggugat 140.

Tetapi sepertimana yang kita tengok, Ketua Pembangkang berikhtiar nak mendapatkan Kerajaan. Dengan nak membawa undi tidak percaya walaupun dia tahu tidak mungkin boleh berlaku. Tak akan lulus. Dia cuma ada 81 saja. Masa bila kita yang 140 ini akan bersetuju dengan mereka. Jadi ini yang mereka lakukan walaupun tak boleh. Itu saya tak percaya kepada dia. Kerana dia akan cuba cara bagaimana untuk memalukan Kerajaan.

Jadi kalau kita minta supaya Perlembagaan dipinda. Kita memerlukan 8 sokongan daripada mereka untuk mendapatkan 148. Nanti kalau kita buat pindaan Perlembagaan, kalau kita gagal untuk mendapat 2/3, dia akan canang di seluruh Negara mengatakan, Kerajaan gagal. Dan rakyat bukan tahu sangat, kalau katalah satu pindaan itu gagal diluluskan di Dewan Rakyat. Mereka akan boleh pusing menjadikan ini sebagai undi tidak percaya.

Yang ini sebab saya tidak percaya kepada mereka. Sebab kerja untuk memalukan ini memang dilakukan. 16 Septemberlah nak tubuhkan Kerajaan. Kemudian tiga minggu lepas tu. Jadi ini semua satu paten, peel dan perangai pembangkang yang tidak

memungkinkan saya untuk mempercayai bahawa apa yang mereka janji di Dewan Rakyat itu akan ditunaikan oleh mereka. Sebab itu saya tak akan mengambil risiko. Dan kita akan bentangkan undang-undang ini semua tanpa pindaan perlembagaan.

PERANTARA: Dan kita kan berhenti seketika untuk memberi laluan kepada iklan dan kita akan sambung selepas ini bersama dengan 60 Minit bersama Menteri.

(IKLAN)

PERANTARA : Kita bersama kembali pada malam ini kita bersama dengan YB Menteri Dato' Seri Nazri bin Abdul Aziz , Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Telah banyak yang kita bincangkan tadi Dato' Seri, kalau kita ikuti sebenarnya daripada segi hasrat Dato' Seri itu telah jelas dan kita mengucapkan terima kasih kepada YB Perdana Menteri yang telah memberikan sokongan. Saya dapati sepanjang pembentangan ini beliau, YB Perdana Menteri telah datang sendiri hingga pukul 11.30 malam untuk memastikan bahawa rang undang-undang ini dapat dibentangkan dengan lebih terbuka sebab dia dapati ramai ahli-ahli Parlimen kita mengambil kesempatan untuk membahaskannya, rang undang-undang ini. pada pandangan Dato' sendiri, selepas ini apakah harapan Dato' Seri terhadap dua rang undang-undang ini setelah diluluskan dan inilah harapan rakyat juga Dato' Seri untuk melihat pelaksanaannya dan seterusnya.

MENTERI : Saya setuju dengan apa yang saudara sebut. Kita mesti banyak berterima kasih kepada YAB Perdana Menteri yang jelas daripada mula mahukan perubahan dilakukan daripada segi melawan rasuah. Kita kena ingat dia Perdana Menteri yang memperkenalkan IAM. Institut Integriti Malaysia dan juga Pelan Intergriti Malaysia. Dia betul, kerana nak lawan rasuah ini pendidikan jugak penting. Daripada awal. Kita kena tanam integriti di kalangan anak-anak muda kita supaya menjadi sebahagian dari budaya kita. Dia bukan hanya pencegahan itu setakat menyiasat dan mendakwa dan menghukum, tapi pendidikan jugak penting. Jadi kita memang kena terima kasih kepada YB Perdana Menteri kerana kesungguhan dia, kalau tanpa kesungguhan dia,

kerana kita tau dia boleh *trigger* sesuatu. Kalau seseorang itu menjadi Perdana Menteri, dan ini tidak menjadikan prioriti dia, dia tidak akan berlaku.

Tapi di atas *single handed* kesungguhan Perdana Menteri yang mahu melihat kedua-dua bil ini yang ada kaitan dengan *delivery system* dibentang, dilulus. Itu yang membolehkan perkara ini menjadi realiti. Saya ini sebagai penyanyi saja. Perdana Menteri ini, dia sebagai orang yang menggubah lagu itu. Jadi saya menyanyi. Kebetulan saya menyanyi baik. Tapi isinya itu ialah daripada Perdana Menteri. Jadi harapan kita selepas ini supaya kita benar-benar mengambil berat berkenaan dengan integriti, berkenaan dengan melawan rasuah dan menitik berat tentang *delivery system.* Kerana ini semua akan menguntungkan rakyat dan negara. Dan kalau negara itu rakyatnya tidak ada integriti, kerajaannya tidak ada integriti, rasuah berlaku berleluasa, hakim pun boleh dibeli, maka masa hadapan negara itu sudah tentulah tidak cerah.

PERANTARA : Seperti mana yang dinyatakan oleh Dato' Seri, dalam ucapan semasa pembentangan hari itu, kejatuhan sesebuah negara tersebut berpunca daripada rasuah. Dengan berleluasanya rasuah kita akan menghadapi satu bencana yang agak hebat. Dato' Seri, dari segi perjalanan keseluruhan Parlimen kali ini Dato' Seri banyak juga terdapat berbagai insiden yang berlaku. Jadi bagaimana Dato' Seri melihat sepanjang perjalanan.

MENTERI : Ya, saya kira yang baiknya Parlimen ini, ialah waktu kita berbahas dalam dewan, sudah tentu ianya kadang-kala kita sebagai orang yang tidak pernah berada dalam dewan, kita rasa gayat jugak. Tapi inilah cara kita berbahas. Walaupun setengah pihak tidak akan bersetuju dengan saya, mereka mahu lagi melihat cara kita berbahas itu boleh diperbaiki lagi. Betul, saya setuju. Itu boleh diperbaiki. Tapi yang penting ialah walau panas bagaimana sekalipun, ia tidak sampai seperti yang kita lihat di Parlimen di Korea, di Taiwan, waima jua di Jepun. Mereka mengambil tindakan-tindakan yang sebenarnya melanggar etika. Etika mesyuarat dewan. Dia turun pergi ke meja speaker, dan berlaku ketuk-mengetuk dan macam-macam lagi. Baling membaling di Taiwan. Tapi kita yang baik, seperti biasalah. Kadang-kadang perasaan tidak dapat di kawal.

Namun tidak sampai kepada fizikal. Itu yang kita lihat di Parlimen kita. Namun saya percaya saya jugak bersetuju dengan ramai daripada kalangan penonton-penonton kalau boleh di masa akan datang, bahasa itu kita jagalah.

PERANTARA : Dato' Seri, saya tertarik dengan ketua pembangkang menyatakan bahawa banyak jugak sandiwara dalam Parlimen ini dan di Thailand. Bagaimana Dato' Seri melihat ini. Adakah ini betul?

MENTERI : Sandiwara sebenarnya sandiwara dari pihak dia. Sebab banyak yang dia buat seperti bangun ramai-ramai untuk perangkap saya. Mereka setuju untuk pinda perlembagaan. Itu sandiwara sahaja. Dan saya tau, apa yang dilakukan oleh mereka itu sebenarnya sesuatu nak memerangkapkan saya. Sebab itu pada saya sandiwara itu banyak dilakukan oleh pihak pembangkang. Dan seperti saya sebut, fakta saya betul, maknanya kalau di Thailand itu saya dah kata kerajaan itu bukan satu lambang. Kerajaan satu lambang, macam kita Barisan Nasional. Itu kuat. 140. Itu kuat. Termasuk yang dua bebas tu. Dia bertanding dulu lambang BN. Dia tak boleh lari macamana pun. Lambang dia BN, walaupun dia parti SUPP. Tapi lambang dia tu lambang kita. Jadi yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Ketua Pembangkang, yang dia kata di Thailand tu, saya tak betul. Yang di Thailand saya betul. Walaupun parti Thai Rap Thai menang lebih daripada 50% tapi apabila tubuh kerajaan, lambangnya bukan Thai Rap Thai. Lambangnya ialah tidak ada. Dia cuma tubuh satu kerajaan bersama-sama dengan parti kecik yang lain. Akhirnya pada hari ini, tengok yang jadi Perdana Menteri bukan daripada Thai Rap Thai. Perdana Menterinya daripada parti pembangkang. Jadi saya cakap tu betullah. Pasal saya tau, saya memang mengikuti politik bukan sahaja di Thailand, tapi di ASEAN dan juga di negara-negara yang penting.

PERANTARA : Ini satu perkembangan jugak, Dato' Seri, kalau kita perhatikan rakyat kita mereka jugak menjadikan contoh jiran kita supaya mengikut acuan dan cara mereka, kalau kita perhatikan mereka menyekat lapangan terbang dan sebagainya. Ini suatu kuasa rakyat ke Dato' Seri? Satu kuasa untuk mereka

bangun, dan ini jugak dan suara-suara ini mula mereka uar-uarkan di negara ini. Bagaimana Dato' Seri melihat perkara ini.

MENTERI : Sebenarnya apa yang berlaku di Thailand itu betul-betul anti-demokratik. Anti-demokrasilah sebenarnya. Kalau betul-betullah mereka mengatakan mereka rakyat, adalah pilihan raya sekali lagi. Rakyat bukan bermaksud penduduk-penduduk Bangkok. Rakyat ialah pengundi-pengundi di seluruh negara Thai. Jadi saya nampak ada percubaan untuk nak ikut macam mana di Thailand dan di Indonesia. Tapi kerajaan ini di pilih oleh rakyat. Sebab itu kita kukuh. Saya beri nasihat kepada mereka, saya percaya mereka harapkan dengan cara yang mereka buat sebelum pilihan raya ke12 dulu, mereka mengharapkan dengan cara itu mereka boleh menjatuhkan kerajaan. Mereka menang. Thailand bolehlah. Tapi di Malaysia ni, rakyat pilih. Kita ada 140 kerusi. Jadi sebab itu saya rasa tak usahlah kita cuba nak tiru amalan demokrasi kononya, yang sebenarnya anti-demokrasi. Jadi pada saya, saya rasa tunggulah pilihan raya akan datang dan kita telah lihat bahawa kita memang membenarkan kebebasan kepada SPR, untuk menjalankan pilihan raya. Kalau rakyat mahu mereka, pilihan raya ke-13, ambiklah. Tiada masalah. Kita pun serah macam biasa saja. Yang kita kalah tu, apa nak takut.

PERANTARA : Gunakan platform yang ada ya. Dato' Seri, satu lagi, saya ingat bukan perkara kecillah, telah didedahkan oleh Sultan Selangor. Tentang penggunaan kanak-kanak. Baru-baru di di Parlimen juga telah dikunjungi oleh gologan ini. Bagaimana Dato' Seri melihat ini?

MENTERI : Dunia mengutuk penggunaan kanak-kanak. Terutamanya oleh negara-negara ketiga di Afrika. Menggunakan kanak-kanak untuk menjadi tentera. Dan sebenarnya bukan setakat kita mengutuk kanak-kanak yang digunakan sebagai tentera, tetapi juga sebagai *shield.* Pelindung. Penghadang kepada satu perkara yang mereka lakukan. Melanggar undang-undang. Tapi menggunakan kanak-kanak supaya menampakkan yang pertama, seolah-olah nak menghalalkan perbuatan mereka. Keduanya untuk menunjukkan keganasan pihak-pihak polis, kalau sekiranya tindakan

itu di ambil. Seperti yang berlaku di Greece. Apabila kanak-kanak ditembak. Dan seorang meninggal dunia. Walaupun polis bukan menembak secara terus, tapi terkena. Mati. Inilah yang mereka harapkan. Kucar-kacir. Janganlah. Sebab kalau berlaku macam mana di Greece, kanak-kanak mati. Itu bukan salah kerajaanlah. Itu salah kepada penganjur yang menggunakan kanak-kanak. Saya harap supaya pihak parti pembangkang mendenngar arahan dari Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Jangan gunakan kanak-kanak. Kita mesti lindung kanak-kanak. Pelihara mereka.

PERANTARA : Harapan Dato' Seri untuk sesi akan datang? Ada lagi rang undang-undang DNA yang perlu dibawakan dan dibentangkan pada sesi akan datang.

MENTERI : Saya jangka bahawa kita nampak dalam masa satu tahun kita dah nampak seperti orang putih kata *the water has found its level*. Kita dah nampak dimana kita punya level. Mengambil bahagian dalam perbahasan. Saya kira di tahun hadapan suasananya jugak sama. Walaupun mungkin kurang sedikit kerana pada tahun ini banyak ahli-ahli Parlimen yang baru sedang mencari dia punya level. Sekarang ni mereka telah dapati level mereka dan pada tahun depan, cara mereka mungkin lebih Parlimentary lagilah jika dibandingkan dengan tahun ini. Saya kira cara kita menyampaikan hujah kita akau jauh lebih berkesan dengan cara tenang dari menaikkan suara yang tinggi.

PERANTARA : Terima kasih diucapkan kepada YB Dato' Seri Mohamed Nazri b Abdul Aziz, Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang telah bersama kita selama satu jam pada malam ini dalam Rancangan 60 Minit Bersama Menteri. Tahniah diucapkan dan saya dari pihak RTM mengucapkan tahniah kerana Dato' Seri merupakan orang yang bertanggung jawab untuk membawa dua rang undang-undang yang saya rasa penting untuk memastikan kekuatan Barisan Nasional di Parlimen. Assalamualaikum dan salam sejahtera dan jumpa lagi dalam Rancangan 60 Minit Bersama Menteri.